

Percampuran Kod Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian

(Code Mixing among Teachers Malay Language during Teaching-Learning Online Session)

Duli Kamit^{1*}, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Pengarang Koresponden: munaruzanna@university.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.38>

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk meneroka percampuran kod semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan guru Bahasa Melayu secara dalam talian di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Song, Sarawak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif dengan melibatkan 2 orang guru Bahasa Melayu sebagai peserta kajian. Instrumen senarai semak pemerhatian digunakan sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya percampuran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam PdP yang dijalankan dalam talian. Kajian yang dijalankan ini memberi implikasi terutamanya kepada guru Bahasa Melayu dan pihak pentadbir sekolah untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul di sekolah.*

Kata kunci: Percampuran Kod, Bahasa Melayu, Sekolah Menengah

Abstract: *The aims of this study is to identify the code-mixing among teachers who teach Malay subject during online teaching and learning session in one of secondary school in Song, Sarawak. This study is designed to be a qualitative case study. Two teachers who teach Malay language in secondary school became the respondents for this study. The main data collection instrument used was observation. The data was obtained from the checklist which was transcribed and elaborated in a descriptive way. Based on the findings, code-mixing occurred among teachers teaching the Malay language during online teaching and learning sessions. The findings on this study can benefit others teachers especially Malay language teachers and the administrative in the attempt to raise the right uses of Malay language in school.*

Keywords: Code-Mixing, Malay Language, Secondary School

1. Pengenalan

Penggunaan dua bahasa atau lebih secara serentak pada satu-satu masa oleh seseorang terjadi mengikut keadaan dan situasi berlakunya komunikasi tersebut. Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah yang mana penggunaan dua bahasa terutamanya dalam kalangan guru menjadi punca berlakunya percampuran kod dalam pertuturan. Yusuff et.al (2017) dalam kajian menyatakan bahawa fenomena percampuran kod menjadi indikator kecelaruan bahasa dan ia berlaku secara tidak langsung dalam bahasa Melayu.

Mohd Helmi dan Puteri Roslina (2016) dalam kajian menyatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu pelajar Cina di SRJK(C) adalah bergantung kepada keperluan mereka dalam bahasa tersebut. Keterbatasan penggunaan bahasa Melayu semasa berkomunikasi menyebabkan kosa kata bahasa Melayu yang dikuasai mereka kurang memberansangkan. Penguasaan kosa kata yang lemah dari aspek leksikal disebabkan kurangnya pendedahan mereka terhadap unsur bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Ekoran daripada situasi ini, maka berlakulah fenomena percampuran kod bahasa semasa proses PdP berlangsung. Kajian turut mendapati bahawa pelajar Cina telah mencampuradukkan Bahasa Mandarin dengan Bahasa Melayu semasa berkomunikasi sehingga menjejaskan kelancaran komunikasi. Dalam konteks ini, adalah menjadi suatu kelebihan kepada guru Bahasa Melayu yang mampu menguasai bahasa Mandarin tersebut untuk mengajar kosa kata dan perbendaharaan kata Bahasa Melayu iaitu dengan mencampuradukkan kedua-dua bahasa ini secara serentak bagi memberi kefahaman kepada pelajar tersebut.

Menurut Zuraini (2016) pula, penggunaan dialek dalam kalangan guru dan pelajar menjadi salah satu pengaruh dan punca yang mencetuskan fenomena dan percampuran kod bahasa dalam PdP bahasa Melayu. Menurutnya lagi, modaliti PdP yang pelbagai serta bersifat dwibahasa turut mampu menjelaskan bahawa percampuran kod bahasa berperanan penting dalam memastikan proses PdP berlaku dengan baik. Percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris yang dilakukan peserta kajian adalah bertujuan untuk menghuraikan sesuatu topik yang menjadi bahan perbincangan secara lebih terperinci serta dijadikan sebagai satu strategi untuk menyokong pemahaman pelajar. Hal ini bermakna proses memberikan sesuatu penjelasan dan penerangan oleh guru kepada pelajar menjadi lebih senang apabila bahasa pertama digunakan. Selain itu, kajian mendapati bahawa percampuran kod juga berlaku dalam kalangan guru namun, ia tidaklah sedominan situasi pertukaran kod. Dalam hal ini, faktor kebiasaan guru yang gemar menggunakan bahasa yang bercampur aduk (gaya bahasa pasar) telah menyebabkan berlakunya percampuran kod bahasa dalam PdP bahasa Melayu.

Salinah dan Rohaidah (2016) menyatakan pembelajaran dan penguasaan dalam bahasa Melayu terjejas kerana masih ramai lagi pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu kurang berkemahiran bertutur dalam bahasa tersebut. Pengaruh penggunaan dialek dalam PdP juga telah menyebabkan tahap kemahiran komunikasi guru masih rendah kerana kecenderungan guru itu sendiri menggunakan dialek atau bahasa ibunda pelajar. Penggunaan kod bahasa yang bercampur aduk baik sama ada dari aspek komunikasi mahupun dalam penulisan mereka ini bukan sahaja menyekat pengetahuan dan penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu, malah ia menyebabkan penggunaan bahasa Melayu standard tidak dapat dibudayakan dalam konteks PdP bahasa Melayu di sekolah.

Rentetan daripada situasi kewujudan pelbagai isu yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu dengan bahasa lain telah menyebabkan penyelidik terdetik untuk melaksanakan sebuah kajian yang melibatkan guru bahasa Melayu di sekolah menengah. Bahkan, penyelidik terkesan dengan gaya dan situasi PdP yang berlaku pada masa kini yang mana ia dijalankan secara dalam talian ekoran daripada penularan wabak COVID 19 di seluruh negara. Perubahan struktur PdP daripada kaedah secara langsung atau bersemuka kepada PdP secara dalam talian ini telah menjadi suatu cabaran terbesar bukan sahaja kepada warga pendidik malah kepada semua pelajar. Maka, penyelidik cuba untuk menjalankan sebuah kajian yang melibatkan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian ini.

2. Ulasan Kajian Lepas

Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

Dayang Sulfilkawany dan Wan Muna Ruzanna (2016) mendapati percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah. Percampuran kod bahasa ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor sosial yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua para pelajar iaitu bahasa Melayu. Antara faktor tersebut termasuklah pengaruh keluarga, rakan, persekitaran sekolah, motivasi dan juga sikap pelajar itu sendiri. Menurut penyelidik, pengaruh persekitaran sekolah memberikan implikasi terhadap perkembangan dan penguasaan bahasa pelajar. Selain berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu standard dalam konteks formal, pelajar Iban didapati kerap menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Iban ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan. Lantaran itu juga, hasil kajian mendapati kebanyakan guru menggunakan bahasa ibunda pelajar Iban untuk memberikan penerangan serta kefahaman secara optimum terhadap sesuatu perkara kepada pelajar. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Iban yang melibatkan aspek percampuran kod bahasa sememangnya sudah menjadi suatu kelaziman dalam proses PdP Bahasa Melayu di sekolah.

Daisy et al. (2020) dalam kajian pula mendapati bahawa aspek penulisan bahasa Melayu pelajar Tingkatan 4 masih dipengaruhi oleh penggunaan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Dusun Tindal terutamanya yang melibatkan aspek penggunaan struktur ayat dan peraturan pola ayat bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua yang dipelajari mereka di sekolah. Menurut penyelidik lagi, fenomena percampuran kod dalam penulisan pelajar sedikit sebanyak boleh berlaku secara berterusan dari peringkat sekolah rendah sehingga sekolah menengah sekiranya tidak ditangani dari awal. Dalam hal ini, guru Bahasa Melayu merupakan individu yang memainkan peranan penting untuk membimbing pelajar dalam menguasai kemahiran menulis karangan bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa yang gramatis, pola serta struktur ayat bahasa Melayu yang betul tanpa ada kerancuan.

Selain itu, Aziz dan Zamri (2021) dalam kajian mendapati kebanyakan pelajar Melanau iaitu pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu menghadapi masalah kekurangan dan keterbatasan pengetahuan linguistik terutamanya dari segi leksikon atau tatabahasa sehingga membantutkan komunikasi mereka. Dalam hal ini, kesukaran dan sikap pelajar Melanau tersebut menjadi salah satu punca kemerosotan pencapaian yang rendah dalam aspek penguasaan bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, penyelidik turut menekankan tentang aspek kewajaran penggunaan bahasa pertama dalam aktiviti PdP bahasa kedua menjadi isu yang masih diperdebatkan dalam kalangan guru bahasa. Wolfgang (2007) menyatakan golongan ortodoks ekabahasa beranggapan bahawa bahasa pertama merupakan gangguan yang berlaku dalam proses atau aktiviti mempelajari bahasa kedua. Golongan pertama berpendapat bahawa penggunaan bahasa pertama adalah tidak wajar digunakan dalam aktiviti PdP bahasa kedua sementara golongan kedua memberikan sokongan dan galakan sepenuhnya terhadap penggunaan bahasa pertama dalam mempelajari bahasa kedua. Malah, golongan ini turut berpendapat bahawa guru yang mampu menggunakan bahasa pertama semasa aktiviti PdP bahasa kedua merupakan satu kelebihan dan dapat menjadi guru yang baik.

Penggunaan bahasa Inggeris dan dialek dalam bahasa Melayu

Husna Faredza et al. (2020) dalam kajian yang mengkaji tentang keupayaan berbahasa guru pelatih dalam bidang bahasa Melayu menyatakan bahawa masih ramai lagi guru yang menggunakan dialek setempat dan tidak menggunakan bahasa Melayu baku dalam PdP bahasa Melayu. Menurut penyelidik, fenomena percampuran bahasa menjadi indikator yang menyebabkan keclaruan bahasa berlaku. Menurut penyelidik lagi, kewujudan fenomena

percampuran kod bahasa ini telah menyebabkan penggunaan bahasa Melayu Tinggi Berbudaya (BTMB) semakin kurang diamalkan dalam kalangan masyarakat kini. Hal ini berpunca daripada pengaruh dialek atau bahasa sukuan, bahasa slanga dan bahasa basahan yang semakin berleluasa dan mendominasi penggunaan sesuatu bahasa.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa fenomena percampuran kod bahasa yang paling ketara dilakukan oleh guru pelatih adalah penggunaan BTMB dengan bahasa Inggeris dan penggunaan BTMB dengan bahasa basahan. Dari aspek penggunaan BTMB dengan bahasa Inggeris, hasil dapatan menunjukkan percampuran kod yang paling ketara dalam PdP adalah penggunaan perkataan bahasa Inggeris iaitu perkataan *okey* yang sepatutnya digantikan dengan perkataan bahasa Melayunya iaitu baik. Dari aspek penggunaan BTMB dengan bahasa basahan pula, hasil dapatan menunjukkan berlakunya pelanggaran terhadap peraturan penggunaan BTMB apabila guru pelatih ini menggunakan singkatan perkataan dalam ujaran mereka.

Seterusnya, menurut Anne Jeffrey dan Saidatul Nornis (2020), kecenderungan generasi muda ataupun Generasi Y mencampuradukkan bahasa semasa berkomunikasi sehingga menghasilkan bahasa rojak mampu menjatuhkan martabat dan menenggelamkan peranan bahasa Melayu standard di negara ini. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa daripada 70 buah skrip karangan pelajar yang telah dianalisis, 55 daripadanya adalah mengandungi elemen percampuran kod bahasa di dalamnya. Berdasarkan hasil kajian tersebut secara terperinci, didapati pelajar telah mencampuradukkan bahasa Inggeris dalam karangan bahasa Melayu mereka. Fenomena percampuran kod dalam karangan yang telah dihasilkan oleh pelajar membuktikan ia bukan sahaja boleh berlaku dalam komunikasi malah dalam penulisan yang melibatkan unsur perkataan dan bukan frasa ataupun klausa.

3. Perbincangan dan Kesimpulan

Data kajian adalah diperoleh melalui proses pemerhatian terhadap PdP dua orang guru Bahasa Melayu yang dijalankan secara dalam talian.

Meneroka percampuran kod guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam PdP secara dalam talian semasa mengemukakan soalan.

Analisis bagi objektif kajian 1 adalah untuk melihat sejauh mana peserta kajian melakukan percampuran kod dalam PdP semasa mengemukakan soalan. Jadual 1 di bawah menunjukkan analisis transkripsi pemerhatian bagi tema percampuran kod semasa mengemukakan soalan yang melibatkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris oleh kedua-dua peserta.

Jadual 1: Percampuran Kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris

GBM	Ayat	Perkataan bahasa Inggeris yang digunakan	Jumlah
GBM1	1. Membaca jambatan ilmu. <i>So</i> , siapa yang boleh jelaskan dengan cikgu dan rakan-rakan tentang frasa ni?	<i>So</i>	1
	2. <i>Okay</i> , cuba bagitau cikgu apa usaha untuk menggalakkan masyarakat <i>especially</i> golongan remaja ni membaca?	<i>Okay especially</i>	2

	3. Kenapa amalan membaca telah diabaikan dalam kalangan masyarakat? <i>Why?</i> Bagitau cikgu apa sebabnya. Adakah disebabkan oleh adanya <i>handphone</i> yang canggih-canggih dan kemudahan internet yang pantas?	<i>Why</i> <i>handphone</i>	2
GBM2	1. Boleh cikgu mula dulu oh, dengan <i>slide presentations</i> cikgu?	<i>slide presentations</i>	2
	2. <i>Okay</i> semua, kalau kamu tengok dan baca arahan soalan tu kan, apa yang kamu faham? Maksud cikgu kehendak soalnya apa?	<i>Okay</i>	1
	3. <i>Okay, so</i> ada soalan tak untuk karangan berformat rencana ini?	<i>Okay, so</i>	1
	4. Boleh nampak tak <i>slide</i> ni? <i>Clear</i> tak?	<i>Slide, clear</i>	2
	5. Tajuk ataupun kita punya <i>title</i> dan juga nama penulis untuk karangan berformat rencana ni, kita nak tulis di bahagian mana?	<i>title</i>	1
	6. <i>Okay, so</i> , apa peribahasa yang sesuai digunakan untuk menunjukkan atau menggambarkan tentang perkembangan pesat pada satu-satu masa dalam sektor pelancongan di negara kita?	<i>Okay, so</i>	2
	7. <i>Yes</i> , korang pernah <i>travel</i> ke luar negara tak?	<i>Yes, travel</i>	2
Jumlah data			16

Merujuk kepada ayat di atas, GBM1 telah mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris semasa mengemukakan soalan kepada pelajar. Antara perkataan bahasa Inggeris yang telah dikenal pasti dalam soalan yang dikemukakan ialah *so, okay, especially, why* dan *handphone*. Perkataan bahasa Inggeris tersebut sepatutnya digantikan dengan perkataan bahasa Melayu iaitu jadi (*so*), baik (*okay*), terutama (*especially*), kenapa (*why*) dan telefon bimbit (*handphone*). Begitu juga dengan GBM2 yang kerap menggunakan perkataan *okay, so, slide, clear, title, travel* dan *yes* semasa mengemukakan soalan kepada pelajar. Sepatutnya perkataan tersebut juga digantikan dengan perkataan bahasa Melayu iaitu baik (*yes*), jadi (*so*), paparan (*slide*), jelas (*clear*), tajuk (*title*), melancong (*travel*) dan ya (*yes*). Kekkerapan penggunaan perkataan *okay* dalam ayat oleh peserta kajian bertepatan dengan kajian Husna et al. (2020) yang mendapati guru-guru pelatih kerap menggunakan perkataan *okay* yang sepatutnya digantikan dengan baik dalam bahasa Melayu.

Selain itu, hasil pemerhatian juga mendapati GBM1 dan GBM2 telah mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Iban semasa mengemukakan soalan seperti yang terdapat dalam analisis transkripsi jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban

GBM	Ayat	Perkataan bahasa Iban yang digunakan	Kekerapan
GBM1	1. Semua <i>udah</i> masuk kan? Cuba <i>peda dulu bala kawan ke bukai</i> .	<i>Udah, peda dulu bala kawan ke bukai</i>	7
	2. <i>Bisi</i> masalah? Semua dah faham kan.	<i>bisi</i>	1
	3. <i>Nama hal</i> amalan membaca perlu dipupuk oleh ibu bapa dalam kalangan anak-anak <i>maya sida agi mit</i> ?	<i>Nama hal, maya sida agi mit</i>	6
	4. Selalu kita dengar orang buat kempen baca itu ini, nah <i>nama</i> tujuan <i>ya deh</i> ?	<i>nama, ya deh</i>	3
	5. <i>Nya aja</i> ? Siapa lagi yang nak bagi pandangan dan pendapat?	<i>Nya aja</i>	2
	6. <i>Nyawa</i> cikgu jelas kah?	<i>Nyawa</i>	1
	7. Apa contoh peranan <i>ke ulih</i> dimainkan pihak sekolah supaya murid minat membaca buku?	<i>ke ulih</i>	2
GBM2	1. Cikgu belum dengar lagi suara Remyson pagi ni, <i>tinduk pia</i> Remyson?	<i>tinduk pia</i>	2
	2. Mana Felix? <i>Nama iya admit-admit</i> tu?	<i>Nama iya ... admit tu</i>	4
	3. <i>Mesti bisi</i> penutup kah rencana? Perlu ada penutup kah?	<i>Mesti bisi</i>	2
	4. Apa lagi peribahasa <i>baka</i> perumpamaan?	<i>baka</i>	1
	5. Eh, <i>nama</i> sunyi?	<i>nama</i>	1
	6. <i>Ke bisi orang peda jak</i> , tapi <i>enda peda handphone</i> ?	<i>Ke bisi orang peda jak, ... enda peda handphone</i>	7
Jumlah data			39

Merujuk kepada ayat dalam jadual di atas, GBM1 didapati telah mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Iban semasa mengemukakan soalan kepada pelajar. Perkataan bahasa Iban yang telah dikenal pasti dalam soalan yang dikemukakan oleh GBM1 ini ialah *udah, peda dulu bala kawan ke bukai, bisi, nama hal, masa sida agi mit, nama, ya deh, nya aja, ke ulih* dan *nyawa* yang sepatutnya digantikan dengan perkataan bahasa Melayu iaitu sudah (*udah*), tengok dahulu kawan-kawan yang lain (*peda dulu bala kawan ke bukai*) kenapa (*nama hal*), semasa mereka masih kecil (*maya sida agi mit*), kenapa (*nama*), nya lah (*ya deh*) itu sahaja (*nya aja*), yang dapat (*ke ulih*) dan suara (*nyawa*) semasa mengemukakan soalan kepada pelajar.

Begitu juga dengan GBM2 yang mencampuradukkan perkataan bahasa Iban iaitu *tinduk pia, nama iya, tu, mesti bisi, baka, nama, ke bisi orang peda jak*, dan *enda peda* semasa mengemukakan soalan. Bukan itu sahaja, berdasarkan ayat itu juga, percampuran kod antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Iban juga berlaku secara serentak dalam satu ayat.

Contohnya dalam ayat “*Mana Felix? Nama iya enda admit-admit tu?*” yang mengandungi perkataan bahasa Melayu (*mana*), bahasa Iban (*nama iya enda*) dan bahasa Inggeris (*admit*). Begitu juga dengan ayat “*Ke bisi orang peda jak, tapi enda peda handphone?*” yang mengandungi perkataan bahasa Melayu (*tapi*), bahasa Iban (*ke bisi orang peda jak*) dan bahasa Inggeris (*handphone*).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban dalam PdP semasa mengemukakan soalan lebih banyak dilakukan oleh kedua-dua peserta kajian berbanding dengan percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris manakala hanya 2 ayat sahaja yang mengandungi percampuran tiga bahasa secara serentak dalam 1 ayat yang sama oleh GBM2. Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil transkripsi pemerhatian keseluruhan bagi objektif 1.

Jadual 3: Analisis transkripsi pemerhatian keseluruhan bagi objektif 1

Tema	Subtema	Peserta Kajian		Jumlah
		GBM1	GBM2	
Percampuran kod semasa mengemukakan soalan	Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris	/	/	16
	Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban	/	/	28
	Percampuran kod bahasa Melayu dengan dialek lain	x	x	0

4.3.2 Percampuran kod dalam PdP semasa memberikan arahan

Analisis bagi objektif kajian 2 adalah untuk melihat sejauh mana peserta kajian melakukan percampuran kod dalam PdP secara dalam talian semasa memberikan arahan. Jadual 4 di bawah menunjukkan analisis transkripsi pemerhatian bagi tema percampuran kod semasa memberikan arahan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris oleh kedua-dua peserta.

Jadual 4: Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris

GBM	Ayat	Perkataan bahasa Inggeris yang digunakan	Kekerapan
GBM1	1. <i>Please</i> rujuk semula format karangan jenis syarahan dan ceramah yang telah kita bincangkan sebelum ni, <i>okay</i> .	<i>Please, okay</i>	2
	2. <i>Okay</i> , sekarang cikgu nak kamu semua senaraikan usaha-usaha untuk memupuk minat membaca.	<i>Okay</i>	1
GBM2	1. Kalau slide tak <i>clear</i> , bagitau cikgu ye.	<i>clear</i>	1
	2. Nanti, kalau cikgu tengah <i>explain</i> , tolong <i>mute</i> kan mikrofon kamu ya.	<i>explain, mute</i>	2
	3. Kalau orang sebelah kamu bising, kamu <i>mute</i> ah.	<i>mute</i>	1
	4. Kalau nak tanya soalan, kamu <i>unmute</i> .	<i>unmute</i>	1
	5. Buang <i>arrow</i> ni.	<i>arrow</i>	1

6. Kejap, takut <i>running out of time</i> nanti.	<i>running out of time</i>	4
7. Ee Felix, <i>mute, mute, mute.</i>	<i>mute. mute, mute</i>	3
8. So, nama penulis mesti ditulis dalam huruf besar.	<i>so</i>	1
Jumlah data		17

Berdasarkan ayat tersebut, GBM1 telah mencampuradukkan perkataan bahasa Inggeris seperti *please* dan *okay* semasa memberikan arahan kepada pelajar. Begitu juga dengan GBM2 yang telah mencampuradukkan perkataan bahasa Inggeris seperti *clear, explain, mute, unmute, arrow, running out of time* dan *so* semasa memberikan arahan kepada pelajar. Perkataan bahasa Inggeris tersebut sepatutnya digantikan dengan perkataan bahasa Melayu iaitu jelas (*clear*), terangkan (*explain*), senyap (*mute*), tidak senyap (*unmute*), anak panah (*arrow*), kesuntukan masa (*running out of time*) dan jadi (*so*) semasa memberikan arahan kepada pelajar.

Selain itu, hasil pemerhatian juga mendapati GBM2 turut mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Iban semasa memberikan arahan kepada pelajar seperti yang terdapat dalam analisis transkripsi jadual 5.

Jadual 5: Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban

GBM	Ayat	Perkataan bahasa Iban yang digunakan	Kekerapan
GBM1	1. <i>Anang</i> membiarkan masa lapang <i>kita enda</i> terisi.	<i>Anang, kita enda</i>	3
GBM2	1. Nama penulis mesti ditulis dalam huruf besar. Tulis <i>besai au, ukai huruf mit.</i>	<i>Besai au, ukai huruf mit</i>	4
Jumlah data			7

Merujuk kepada ayat dalam Jadual 5 di atas, GBM1 didapati menggunakan beberapa perkataan bahasa Iban semasa memberikan arahan kepada pelajar iaitu *anang* dan *kita enda* semasa memberikan arahan kepada pelajar. Begitu juga dengan GBM2 yang mencampuradukkan beberapa perkataan bahasa Iban seperti *besai au, ukai* dan *mit* dalam ujarannya semasa memberikan arahan kepada pelajar. Perkataan tersebut seharusnya digantikan dengan perkataan bahasa Melayu iaitu jangan (*anang*), kamu semua tidak (*kita enda*), besar ya (*besai au*), bukan (*ukai*) dan kecil (*mit*).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam PdP semasa memberikan arahan juga lebih banyak dilakukan oleh kedua-dua peserta kajian berbanding dengan percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban. Jadual 6 di bawah menunjukkan hasil transkripsi pemerhatian data keseluruhan bagi objektif 2.

Jadual 6: Analisis transkripsi pemerhatian keseluruhan bagi objektif 2

Tema	Subtema	Peserta Kajian		Jumlah
		GBM1	GBM2	
Percampuran kod semasa	Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris	/	/	14

memberikan arahan	Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban	/	/	7
	Percampuran kod bahasa Melayu dengan dialek lain	x	x	0

4.3.2 Percampuran kod dalam PdP semasa memberikan penerangan

Analisis bagi objektif kajian 2 adalah untuk melihat sejauh mana peserta kajian melakukan percampuran kod dalam PdP secara dalam talian semasa memberikan penerangan. Jadual 7 di bawah menunjukkan analisis transkripsi pemerhatian bagi tema percampuran kod semasa memberikan penerangan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris oleh kedua-dua peserta.

Jadual 7: Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris

GBM	Ayat	Perkataan bahasa Inggeris yang digunakan	Kekerapan
GBM1	1. Remaja boleh menjadikan aktiviti membaca surat khabar, <i>magazine</i> , novel dan sebagainya sebagai hobi.	<i>magazine</i>	1
	2. Ibu bapa boleh dikatakan sebagai <i>role model</i> kepada anak-anak.	<i>role model</i>	1
	3. <i>Social media</i> adalah satu wahana bagi memupuk minat membaca. <i>You all</i> mesti <i>advance</i> dalam bab-bab macam ni kan.	<i>Social media</i> , <i>You all</i> , <i>advance</i>	5
	4. Ibu bapa juga boleh menyediakan ruang khas atau bilik kecil di rumah sebagai <i>library</i> untuk anak-anak dan seluruh <i>family</i> .	<i>library</i> , <i>family</i>	2
	5. Bila dah masuk <i>part</i> penutup karangan, haa penting untuk kita buat kesimpulan atau rumusan karangan. Kenapa? <i>Cos</i> penutup yang baik seharusnya dapat memberikan suatu penegasan yang menyimpulkan keseluruhan isi penting yang kamu semua kemukakan.	<i>part</i> <i>cos</i>	2
	6. Amalan membaca bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, malah dapat memperkayakan penguasaan kosa kata dan perbendaharaan kata kita sendiri. Kamu punya <i>grammar</i> , <i>vocabulary</i> dan sebagainya lah.	<i>grammar</i> <i>vocabulary</i>	2
GBM2	1. <i>Okay</i> , ciri-ciri rencana mementingkan mesej yang kamu nak sampaikan.	<i>okay</i>	1
	2. <i>And then</i> , berdasarkan kepada peristiwa yang benar. Contohnya macam merokok tadi.	<i>And then</i>	2

3. <i>Okay</i> , rencana ini memang memiliki bentuk yang bebas.	<i>Okay</i>	1
4. <i>And then</i> tajuk dia mesti berkaitan dengan soalan.	<i>And then</i>	2
5. <i>Okay</i> , seterusnya kalau kita dah tengok soalan macam ni kan, soalan dah minta apa yang kamu kena tulis.	<i>Okay</i>	1
6. <i>Okay</i> , kita boleh <i>promote</i> Langkawi itu di luar negara, orang Indon boleh datang, orang Thailand.	<i>Okay, promote</i>	2
7. Acara sukan yang bertaraf <i>international</i> pun boleh dianjurkan di negara kita.	<i>international</i>	1
8. <i>Okay</i> , nanti cikgu bagi contoh, cikgu <i>send</i> karangan ini dalam <i>group</i> lah oh untuk kamu buat ulang kaji.	<i>okay, send, group</i>	3
9. Ada orang yang dia nak melancong, dia tak nak guna <i>transport</i> yang dia boleh cari sendiri, dia mesti nak <i>explore</i> guna <i>transport</i> awam.	<i>transport, explore</i>	2
10. <i>Okay</i> , jadi kalau kamu tengok di sini kan, dalam karangan ini, dia ada 3 isi, cuba kembangkan isi karangan kamu.	<i>Okay</i>	1
Jumlah data		29

Merujuk kepada ayat dalam jadual 7 di atas, antara perkataan bahasa Inggeris yang dikenal pasti ialah *magazine, role model, social media, you all, advance, library, family, part, cos, grammar, vocabulary, okay, and then, promote, international, send, group, transport dan explore..* Perkataan ataupun frasa bahasa Inggeris tersebut sepatutnya digantikan dengan perkataan atau frasa bahasa Melayu iaitu majalah (*magazine*), suri teladan (*role model*), media sosial (*social media*), kamu semua (*you all*), lebih tahu (*advance*), perpustakaan (*library*), keluarga (*family*), kerana (*cos*), tatabahasa (*grammar*), perbendaharaan kata (*vocabulary*), baik (*okay*), kemudian (*then*), mempromosikan (*promote*), antarabangsa (*international*), hantar (*send*), kumpulan (*group*), pengangkutan (*transport*) dan meneroka (*explore*) semasa memberikan penerangan tentang sesuatu perkara kepada pelajar.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tiada berlakunya percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban serta bahasa Melayu dengan dialek lain dalam PdP semasa memberikan penerangan kepada pelajar. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian Dayang Sulfikawany dan Wan Muna Ruzanna (2017) yang mendapati guru menggunakan bahasa ibunda pelajar iaitu bahasa Iban untuk memberikan penerangan kepada pelajar. Sebaliknya, percampuran kod hanya berlaku antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam PdP semasa memberikan penerangan oleh kedua-dua peserta kajian ini. Jika dilihat pada jadual tersebut, antara perkataan bahasa Inggeris yang paling banyak digunakan oleh kedua-dua peserta kajian ini adalah perkataan *okay*. Perkataan *okay* yang sepatutnya digantikan dengan perkataan *baik* dalam bahasa Melayu banyak kali digunakan oleh peserta kajian pada hadapan ayat atau sebelum memberikan penerangan tentang sesuatu perkara. Jadual 8 di bawah menunjukkan hasil transkripsi pemerhatian data keseluruhan bagi objektif kajian 3.

Jadual 8: Analisis transkripsi pemerhatian keseluruhan bagi objektif 3

Tema	Subtema	Peserta Kajian		Jumlah
		GBM1	GBM2	
Percampuran kod semasa memberikan penerangan	Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris	/	/	28
	Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Iban	x	x	0
	Percampuran kod bahasa Melayu dengan dialek lain	x	x	0

Maka, sebagai kesimpulannya, kajian penerokaan percampuran kod guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam PdP yang dijalankan secara dalam talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting* ini mendapati kedua-dua peserta kajian telah melakukan percampuran kod dalam PdP mereka semasa mengemukakan soalan, memberikan arahan dan memberikan penerangan. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai gambaran awal kepada guru-guru terutamanya guru Bahasa Melayu tentang situasi yang mungkin menjadi faktor utama kelemahan pelajar menguasai bahasa Melayu sekaligus berkepentingan sebagai satu usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul di sekolah. Kesimpulannya, kajian berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu yang melibatkan percampuran kod bahasa ini haruslah diperluaskan lagi dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah terutamanya dalam mengenal pasti punca utama berlakunya gejala berbahasa sedemikian.

Rujukan

- Anne Jeffrey Kihob., & Saidatul Nornis Hj.Mahali. (2020). Kerancuan Bahasa dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah*. 31(2): 97-132.
- Aziz Polai., & Zamri Mahamod. (2021). Pengaruh Bahasa Melanau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tahun Dua. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(2), 174-182.
- Daisy Paul., Noor Aina Dani., & Nalmon Goyi. (2020). Kewujudan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Suku Dusun Tindal. *MANU*, 31(1), 25-50.
- Dayang Sufilkawany., & Wan Muna Ruzanna. (2017). Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 7(1),74-84.
- Husna Faredza., Mohamed Redzwan., Khairul Azam Bahari., Anida Sarudin., & Zulkifli Osman. (2020). Strategi Pengukuran Upaya Berbahasa Menerusi Kesantunan Berbahasa Sebagai Indikator Profesionalisme Guru Pelatih Berasaskan Skala Morfofonetik, Sociolinguistik Dan Sosiopragmatik. *Malaysian Journal Of Learning and Instruction (MJLI)*. 17(1),213-254.
- Marohaini Yusoff. 2004. *Penyelidikan Kualitatif*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Helmi Pangat., & Puteri Roslina. (2016). Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 123-141.
- Nuradlin Syafini., & Zaleha Embong. (2020). Pengaruh Dialek dalam Komunikasi Terhadap Tahap Keyakinan Diri Pelajar Sekolah Menengah di Kota Bharu, Kelantan. *International Online Journal Of Language, Communication and Humanities*, 3(1), 2637.
- Salinah Jaafar., & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan Di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*. 15(2), 196-209.

- Wolfgang Butzkamm. (2007). Native Language Skills as a Foundation for Foreign Language Learning. In Wolf Kindermann (Eds).
- Yin, R. K. 2014. Case Study Research. New York: SAGE Publications.
- Zuraini Ramli. (2016). Modaliti Kepelbagaian Modaliti dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dwibahasa. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*. 7. 156-169.